



Belanjawan 2023: Kementerian perinci tanggungan bayaran lesen memandu

Oleh Fahmy A Rosli - Februari 24, 2023 @ 7:42pm

fahmy.azril@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Pengangkutan (MOT) akan memperincikan mekanisme dan syarat mengenai tanggungan bayaran ujian memandu untuk lesen motosikal kelas B2 dan lesen teksi, bas serta e-hailing seperti diumumkan dalam Belanjawan 2023.

Menterinya, Anthony Loke, berkata ini kerana beliau baru sahaja mengetahui mengenai inisiatif baik itu hari ini dan akan mengumumkan perkara itu sebelum pelaksanaan dapat dimulakan.

Selain bakal memanfaatkan golongan belia, beliau berkata pihaknya juga akan membincangkan dengan lebih lanjut kemungkinan untuk meluaskan inisiatif itu kepada golongan sasaran yang lain.

"Tanggungan bayaran ujian memandu untuk lesen motosikal kelas B2 dan lesen teksi, bas dan e-hailing ini untuk membantu golongan belia supaya mereka boleh memulakan pekerjaan dalam (bidang) ekonomi gig.

"Mekanisme terperinci akan kita umumkan kerana hari ini, saya secara sepintas lalu... sebab saya pun baru mendapat berita baik ini. Dari segi mekanisme pelaksanaan perlu kita perincikan lagi sebelum pelaksanaan ini dapat diumumkan.

"Tak pasti (berapa ramai akan terima manfaat) sebab ia baru diumumkan (dalam belanjawan hari ini). Ia salah satu kejutan baik untuk saya. Ada tambahan tugas untuk saya," katanya pada sidang media selepas pembentangan Belanjawan 2023 di Dewan Rakyat hari ini.

Dalam pada itu, Loke turut menghargai pengumuman oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merangkap Menteri Kewangan untuk meneruskan inisiatif pas bulanan My50.

Katanya, inisiatif itu memanfaatkan 180,000 pengguna di Lembah Klang yang menggunakan perkhidmatan rel merangkumi Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Bas (BRT), Monorel dan RapidKL.

Dengan pengumuman itu, beliau menjangkakan penggunaan pas bulanan berkenaan akan menokok pada tahun ini.

"Terima kasih kepada menteri kewangan kerana meneruskan peruntukan kepada kita untuk teruskan pas bulanan My50, khususnya pengguna pengangkutan awam di Lembah Klang supaya dapat diteruskan.

"Saya menjangkakan bahawa penggunaan yang akan melanggan pas ini akan meningkat pada tahun ini, apabila perkhidmatan MRT2 akan bermula pada Mac nanti," katanya.